



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index>
ISSN: 2462-1951



Penglibatan Remaja dalam Kegiatan Jenayah: Analisis Tahap Pemahaman Remaja Terhadap Perkara 5-13 Perlembagaan Persekutuan Malaysia *Youth Involvement in Criminal Activities: An Analysis of Adolescents' Level of Understanding of Articles 5–13 of the Federal Constitution of Malaysia*

Noor Azmira Mohamed¹, Lim Shiau Mooi^{2,*}

¹ Department of Economics, Teh Hong Piow Faculty of Business and Finance, Universiti Tunku Abdul Rahman, 31900, Kampar, Perak, Malaysia

² Department of Languages and Linguistics, Faculty of Arts and Social Science, Universiti Tunku Abdul Rahman, 31900, Kampar, Perak, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 11 November 2025

Received in revised form 7 January 2026

Accepted 10 January 2026

Available online 15 January 2026

ABSTRACT

Statistik jenayah juvana di Malaysia menunjukkan pola yang berubah-ubah dengan beberapa peningkatan berkala, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap tahap kesedaran sivik dan pematuhan undang-undang dalam kalangan remaja. Walaupun isu jenayah sering dikaitkan dengan faktor sosial dan ekonomi, pemahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai asas kewarganegaraan dan kedaulatan undang-undang masih kurang diberi perhatian dalam kajian empirikal. Kajian ini bertujuan menilai tahap pengetahuan, kefahaman, dan penghayatan pelajar sekolah menengah terhadap aspek asas Perlembagaan Persekutuan serta hubungannya dengan sikap dan kecenderungan pematuhan undang-undang. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran melalui soal selidik berstruktur yang melibatkan 200 orang pelajar sekolah menengah di daerah Kampar. Analisis kuantitatif digunakan untuk menilai tahap kesedaran perlembagaan, manakala respons kualitatif membantu menjelaskan corak pemahaman dan interpretasi pelajar terhadap konsep perlembagaan dan tanggungjawab sivik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun sebahagian pelajar menunjukkan tahap kesedaran asas yang memuaskan, terdapat kecenderungan respons neutral yang tinggi, mencerminkan pemahaman yang bersifat cetek dan kurang penghayatan terhadap implikasi perlembagaan dalam kehidupan seharian. Kajian ini menyumbang kepada literatur dengan menekankan peranan pendidikan perlembagaan sebagai salah satu komponen pencegahan awal terhadap tingkah laku tidak patuh undang-undang, tanpa mendakwa hubungan kausal secara langsung dengan kadar jenayah. Implikasi dasar mencadangkan keperluan pendekatan pedagogi yang lebih kontekstual dan berasaskan senario, serta kerjasama yang lebih berstruktur antara institusi pendidikan dan agensi penguatkuasaan undang-undang bagi meningkatkan literasi perundangan dalam kalangan remaja.

* Corresponding author.

E-mail address: limsm@utar.edu.my

<https://doi.org/10.37934/arsbs.42.1.8397>

Juvenile crime statistics in Malaysia exhibit fluctuating patterns with periodic increases, raising concerns about civic awareness and legal compliance among adolescents. While crime-related issues are often attributed to socioeconomic and familial factors, empirical research examining adolescents' understanding of the Federal Constitution as a foundational element of lawful behaviour remains limited. This study examines the level of knowledge, understanding, and appreciation of constitutional principles among secondary school students and explores how constitutional awareness relates to attitudes toward legal compliance. Using a mixed-methods approach, structured questionnaires were administered to 200 secondary school students in the Kampar district. Quantitative analysis assesses students' constitutional awareness, while qualitative responses provide insight into how adolescents interpret constitutional concepts and civic responsibilities. The findings indicate that although some students demonstrate basic constitutional knowledge, a substantial proportion exhibit neutral responses, suggesting surface-level understanding rather than meaningful internalization of constitutional values. Rather than claiming a direct causal relationship with crime rates, this study contributes by highlighting constitutional education as an important preventive component within broader efforts to promote lawful behaviour and civic responsibility. The findings underscore the need for more contextualized and accessible pedagogical approaches to constitutional education, as well as structured collaboration between educational institutions and law enforcement agencies to enhance legal literacy among youth.

Keywords:

kesedaran perlembagaan; remaja; pematuhan undang-undang; pendidikan sivik; tingkah laku juvana

Constitutional awareness; adolescents; legal compliance; civic education; juvenile behaviour

1. Pengenalan

Statistik jenayah juvana di Malaysia menunjukkan pola yang berubah-ubah dengan beberapa peningkatan berkala, dan bukannya trend menaik yang konsisten. Walau bagaimanapun, turun naik ini tetap menimbulkan kebimbangan terhadap tahap kesedaran sivik, pemahaman undang-undang, dan kecenderungan pematuhan peraturan dalam kalangan remaja. Kebimbangan ini semakin ketara apabila beberapa kes berprofil tinggi mendapat perhatian meluas di peringkat nasional, sekali gus mencetuskan perbincangan awam mengenai nilai tanggungjawab, disiplin, dan pematuhan undang-undang dalam kalangan golongan muda. Antara insiden yang paling mencetuskan kegemparan ialah kes melibatkan enam bekas penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang telah dijatuhi hukuman mati pada tahun 2024 susulan penglibatan mereka dalam insiden buli keterlaluan (hazing) yang mengakibatkan kematian seorang rakan seuniversiti [4].

Insiden tragis ini amat mengejutkan masyarakat kerana pelakunya terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi iaitu golongan yang sewajarnya menjadi teladan dalam menjunjung nilai disiplin dan tanggungjawab. Dalam insiden lain yang turut menggemparkan negara, seramai 23 pelajar terkorban dalam kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah pada tahun 2017, yang didapati berpunca daripada perbuatan khianat oleh dua remaja berusia 16 tahun yang bertindak atas dorongan dendam [2]. Kedua-dua kes ini, bersama pelbagai insiden lain, mencerminkan pola yang membimbangkan berkaitan penglibatan golongan juvana dalam jenayah berat, termasuk kes buli, kesalahan seksual, serta kegiatan berkaitan penyalahgunaan dadah.

Data statistik turut memperkukuh gambaran serius terhadap krisis ini. Sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2023, negeri Kelantan mencatatkan sebanyak 42 kes rogol yang melibatkan kanak-kanak dan remaja bawah umur, dengan mangsa serendah usia 12 tahun. Selain itu, sebanyak 84 kes jenayah seksual dan 15 kes buli di sekolah turut direkodkan dalam tempoh yang sama [1,19]. Di peringkat nasional, tahun 2022 menyaksikan 79 kes rogol membabitkan individu bawah umur, yang membawa kepada 37 tangkapan. Pada tahun yang sama, seramai 46 pelajar sekolah dan 13 pelajar institusi

pengajian tinggi (IPT) telah ditahan atas pelbagai kesalahan jenayah dan penyalahgunaan dadah. Trend ini dilaporkan berterusan sepanjang tahun 2023.

Meskipun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa melalui pendekatan perundangan dan pendidikan bagi membendung gejala salah laku juvana, statistik yang ditampilkan menunjukkan bahawa isu ini masih berlarutan dan memerlukan tindakan yang lebih tuntas. Perkembangan ini menimbulkan persoalan kritikal: Mengapakah masalah ini terus berleluasa meskipun pelbagai intervensi telah diperkenalkan? Sejauh manakah keberkesanan langkah-langkah sedia ada dalam membentuk remaja yang berintegriti dan patuh kepada undang-undang?

Walaupun bimbingan ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku remaja, tanggungjawab ini tidak boleh dipikul oleh keluarga semata-mata. Pihak sekolah, komuniti dan agensi kerajaan perlu memperkukuhkan usaha untuk memupuk kesedaran sivik dan pendidikan moral. Walaupun dasar-dasar telah diperkenalkan bagi menggalakkan nilai etika, salah laku juvana masih menjadi cabaran besar, sekali gus menuntut penelitian yang lebih mendalam terhadap punca-punca asas masalah ini.

Antara faktor yang berkemungkinan menyumbang kepada kemelut ini ialah tahap kesedaran dan kefahaman yang rendah dalam kalangan masyarakat, khususnya remaja, terhadap hak-hak yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, terutamanya Perkara 5 hingga 13. Peruntukan-peruntukan ini merangkumi perlindungan hak asasi individu seperti kebebasan diri, kesamarataan di sisi undang-undang, serta kebebasan bersuara, bergerak dan beragama. Pemahaman yang mendalam terhadap hak-hak ini bukan sahaja dapat memupuk rasa hormat terhadap hak orang lain, malah berupaya memperkukuh kesedaran sivik dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja, sekali gus mengurangkan kecenderungan mereka untuk terlibat dalam salah laku atau pelanggaran undang-undang.

Kajian ini tidak bertujuan untuk menjelaskan kadar jenayah juvana secara langsung, sebaliknya menumpukan kepada pemahaman perlembagaan dalam kalangan remaja sebagai salah satu komponen asas kesedaran sivik yang berpotensi menyumbang kepada tingkah laku patuh undang-undang dan usaha pencegahan jenayah. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap pengetahuan dan kesedaran remaja terhadap aspek-aspek perlembagaan, dengan penekanan khusus terhadap Perkara 5 hingga 13 Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang merangkumi hak-hak asasi individu. Di samping itu, kajian ini turut menilai keberkesanan sistem pendidikan sedia ada dalam memperkukuh kefahaman remaja terhadap prinsip-prinsip perlembagaan dan perundangan negara. Selanjutnya, kajian ini meneliti hubungan potensi antara tahap kefahaman perlembagaan yang rendah dan kecenderungan terhadap sikap tidak patuh undang-undang, tanpa membuat dakwaan hubungan kausal secara langsung terhadap penglibatan dalam perlakuan jenayah.

Dengan mengaplikasikan pendekatan sosiolinguistik dan psikolinguistik, kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana aspek bahasa, proses kognitif, dan konteks sosial mempengaruhi tahap kefahaman remaja terhadap prinsip-prinsip perlembagaan. Melalui usaha mengenal pasti jurang pengetahuan berkaitan hak-hak perlembagaan, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna kepada penggubal dasar, pendidik, dan pihak berkuasa perundangan dalam merangka program pendidikan serta kempen kesedaran undang-undang yang lebih berfokus dan berkesan. Secara keseluruhannya, kajian ini menyasarkan untuk memupuk semangat kewarganegaraan yang bertanggungjawab, mengurangkan kadar penglibatan remaja dalam aktiviti jenayah, serta menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang harmoni dan negara yang stabil.

2. Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kaedah campuran (mixed-methods) dengan mengintegrasikan teknik kualitatif dan kuantitatif bagi memperoleh pemahaman yang komprehensif terhadap isu yang dikaji. Rasional pemilihan pendekatan ini terletak pada keupayaannya untuk menggabungkan kekuatan kedua-dua metodologi secara sinergistik. Komponen kuantitatif membolehkan penghasilan dapatan yang bersifat empirikal, boleh diukur dan digeneralisasikan kepada populasi yang lebih luas. Sementara itu, pendekatan kualitatif pula menyediakan kedalaman analisis serta pemahaman yang lebih kontekstual terhadap pengalaman, persepsi dan makna yang diberikan oleh peserta kajian.

Proses pengumpulan data dalam kajian ini direka bentuk untuk memperoleh gambaran yang holistik mengenai pengalaman dan persepsi pelajar terhadap kesedaran perlembagaan dan perundangan. Seramai 431 orang pelajar sekolah menengah berusia antara 14 hingga 19 tahun telah dipilih sebagai responden, mewakili fasa perkembangan yang signifikan dari segi kognitif, sosial dan emosi, faktor yang memainkan peranan penting dalam pembentukan kefahaman terhadap tanggungjawab sivik. Instrumen utama yang digunakan ialah soal selidik berstruktur yang merangkumi soalan tertutup bagi memperoleh data kuantitatif serta soalan terbuka untuk mendapatkan input kualitatif. Soal selidik ini memberi tumpuan kepada beberapa dimensi utama, termasuk tahap kesedaran dan kefahaman pelajar terhadap Perlembagaan Persekutuan, sikap mereka terhadap pematuhan undang-undang, serta motivasi yang mendorong penglibatan dalam isu-isu sivik dan perundangan. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data yang bersifat menyeluruh, sekali gus menyokong pelaksanaan analisis statistik dan penerokaan tema secara mendalam dan bersepadu.

Pendekatan Linguistik Gunaan dan Sociolinguistik digunakan dalam kajian ini untuk meneliti bagaimana remaja mentafsir, menghayati, dan berinteraksi dengan bahasa perlembagaan dalam konteks pendidikan dan sosial. Teks perundangan, termasuk peruntukan Perlembagaan Persekutuan, lazimnya mengandungi bahasa yang bersifat formal, abstrak, dan teknikal, yang berpotensi mengehadkan tahap kefahaman dalam kalangan pelajar sekolah. Dari perspektif sociolinguistik, pemahaman remaja terhadap hak-hak perlembagaan tidak hanya dipengaruhi oleh pendedahan teks semata-mata, tetapi turut dibentuk melalui wacana bilik darjah, interaksi rakan sebaya, serta cara institusi pendidikan membingkai konsep perundangan. Dari sudut linguistik kognitif dan psikologi bahasa, proses pemahaman dipengaruhi oleh faktor seperti kebolehcapaian bahasa, beban kognitif, dan motivasi pelajar, yang seterusnya mempengaruhi bagaimana konsep undang-undang diterjemahkan kepada sikap pematuhan dan kesedaran sivik.


Pertama, aspek psikolinguistik dianalisis bagi memahami bagaimana pelajar memproses, mentafsir dan menghayati konsep-konsep perlembagaan serta terminologi perundangan. Tumpuan diberikan kepada bagaimana kefahaman terhadap bahasa perundangan membentuk kesedaran pelajar mengenai hak dan tanggungjawab asas sebagai warganegara. Kedua, sikap pelajar diteliti dengan menumpukan kepada orientasi emosi dan kognitif mereka terhadap Perlembagaan dan sistem perundangan negara. Analisis ini merangkumi sejauh mana pelajar menganggap Perlembagaan sebagai suatu entiti yang relevan dalam kehidupan seharian atau sekadar konsep abstrak yang terpisah daripada realiti mereka. Ketiga, dimensi personaliti turut diambil kira, khususnya dalam menilai pengaruh ciri-ciri individu seperti keterbukaan, ketelitian, dan sifat asertif terhadap tahap penglibatan pelajar dalam isu-isu berkaitan perlembagaan. Sebagai contoh, pelajar yang memiliki personaliti proaktif didapati lebih cenderung untuk menunjukkan minat mendalam dalam memahami serta memperjuangkan prinsip-prinsip perlembagaan. Akhir sekali, motivasi pelajar dianalisis dengan meneliti pelbagai faktor yang mendorong mereka untuk mempelajari

Perlembagaan dan mematuhi undang-undang. Faktor-faktor ini merangkumi rasa tanggungjawab sivik, pengaruh institusi sosial seperti keluarga dan sekolah, serta kebimbangan terhadap implikasi perundangan sekiranya berlaku pelanggaran undang-undang.

Kajian ini menggunakan kedua-dua analisis kuantitatif dan kualitatif untuk meneliti data secara menyeluruh. Bagi analisis kuantitatif, teknik statistik telah digunakan untuk mengenal pasti corak dan hubungan, seperti korelasi antara kesedaran hak perlembagaan dan tahap pematuhan undang-undang. Statistik deskriptif digunakan untuk merumus tahap kesedaran, sikap dan tingkah laku responden, manakala statistik inferens seperti analisis regresi berkemungkinan digunakan untuk meramal faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran perundangan. Dari sudut kualitatif pula, respons terbuka dianalisis secara tematik bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang persepsi dan pengalaman pelajar. Analisis ini memfokuskan kepada tema-tema berulang seperti halangan dalam memahami hak perlembagaan dan kesan pendidikan sivik di sekolah, sekali gus memberikan gambaran yang lebih bernuansa tentang faktor-faktor yang membentuk kesedaran dan sikap perundangan dalam kalangan pelajar.

3. Analisi Data

Data daripada 431 orang pelajar sekolah menengah telah dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kuantitatif dibentangkan melalui Rajah 1 hingga Rajah 7.



Sumber: Kompilasi penulis berdasarkan data kajian.


Rajah 1. Penglibatan dalam perbincangan perlembagaan dan undang-undang

Penyelidikan telah menekankan kepentingan perbincangan bilik darjah yang berstruktur dalam menggalakkan pelajar terlibat dengan isu-isu masyarakat yang kompleks [9]. Rajah 1 menunjukkan tahap penglibatan pelajar yang berbeza dalam membincangkan isu perlembagaan dan undang-undang, dengan 31.3% pelajar bersetuju atau sangat bersetuju bahawa mereka kerap mengambil bahagian dalam perbincangan tersebut, manakala peratusan yang sama (31.3%) tidak bersetuju atau sangat tidak bersetuju, menunjukkan minat atau peluang yang terhad. Kumpulan responden terbesar, iaitu 30.4%, menunjukkan sikap neutral, yang mencerminkan tahap ketidakpastian atau penglibatan yang terhad terhadap topik ini. Corak taburan ini menekankan keperluan intervensi yang lebih bersasar bagi meningkatkan kesedaran serta menggalakkan perbincangan bermakna, khususnya dalam kalangan pelajar yang menunjukkan tahap minat yang rendah. Peratusan maklumbalas neutral yang tinggi merentas beberapa dimensi tidak semestinya menandakan penolakan terhadap prinsip perlembagaan, sebaliknya menunjukkan kewujudan kefahaman yang bersifat permukaan. Dapatan ini mencadangkan bahawa pengetahuan perlembagaan mungkin

diperoleh melalui hafalan atau pendedahan minimum, tanpa penghayatan mendalam terhadap makna, implikasi, dan aplikasinya dalam kehidupan seharian serta tanggungjawab sivik. Dari perspektif linguistik pendidikan, keadaan ini menunjukkan bahawa bahasa perlembagaan difahami secara literal dan terhad kepada definisi asas, tanpa proses internalisasi kognitif yang membolehkan pelajar menilai, mentafsir, dan mengaplikasikan prinsip perundangan secara kritikal.

Horn [9] berhujah bahawa walaupun topik yang kontroversi, seperti larangan penggunaan telefon bimbit, boleh dijadikan titik permulaan untuk wacana sivik, membolehkan pelajar meneroka pandangan yang pelbagai, menyatakan pendirian mereka, dan menyumbang kepada perbincangan dasar. Begitu juga, integrasi pendidikan perlembagaan dan undang-undang ke dalam dialog bilik darjah yang berstruktur dapat meningkatkan kesedaran sivik dan penglibatan, menjadikan perbincangan undang-undang lebih mudah diakses dan menarik. Bagi mencapai matlamat ini, inisiatif seperti program pendidikan sivik interaktif, bengkel komuniti, dan kempen media digital boleh memainkan peranan penting dalam menjadikan perkara perlembagaan dan undang-undang lebih relevan, seterusnya meningkatkan kefahaman dan penglibatan aktif semua kumpulan pelajar.

Selain daripada perbincangan berstruktur, penggunaan platform digital, seperti **iCivics**, telah terbukti meningkatkan pengetahuan dan penglibatan sivik pelajar dengan menyediakan simulasi proses undang-undang dan fungsi kerajaan [22]. Penyelidikan mencadangkan bahawa pembelajaran sivik melalui media digital meningkatkan penglibatan dan pemikiran kritis, menggalakkan pelajar menggunakan pengetahuan undang-undang dalam konteks dunia sebenar [8,13]. Pengembangan pendekatan interaktif sebegini boleh membantu menangani masalah ketidaklibatan pelajar, memastikan topik perlembagaan dan undang-undang dapat diakses dan relevan dengan kehidupan harian mereka.



Sumber: Kompilasi penulis berdasarkan data kajian.


Rajah 2. Kesedaran terhadap peranan perlembagaan dalam mencegah delinkuensi (salah laku) remaja

Rajah 2 menggambarkan tahap kesedaran responden mengenai peranan pemahaman Perlembagaan dan prinsip-prinsip undang-undang dalam mengurangkan penglibatan remaja dalam isu sosial dan potensi aktiviti jenayah. Daripada 431 responden, majoriti, iaitu 35.3% (152 responden), sangat bersetuju, dan 31.8% (137 responden) bersetuju dengan kenyataan tersebut, menunjukkan tahap pengiktirafan yang tinggi terhadap kepentingan pengetahuan perlembagaan dalam mengurangkan risiko sedemikian. Walau bagaimanapun, 18.8% (81 responden) kekal neutral, mencadangkan tahap ketidakpastian atau sikap acuh tak acuh yang sederhana. Sebaliknya, 11.1% (48 responden) tidak bersetuju, dan sebahagian kecil, iaitu 3% (13 responden), sangat tidak bersetuju, mencerminkan skeptisisme atau kurangnya kesedaran mengenai potensi manfaat pemahaman perlembagaan. Data ini menekankan keperluan inisiatif pendidikan yang disasarkan untuk

menguatkan hubungan antara pengetahuan perlembagaan dan peranannya dalam pencegahan kenakalan.

Penyelidikan menunjukkan bahawa rangka undang-undang yang kukuh dan perlindungan prosedur memainkan peranan penting dalam membentuk tanggungjawab remaja dan memastikan proses keadilan dijalankan dengan wajar [20]. Evolusi sistem keadilan remaja di Amerika Syarikat menunjukkan peralihan ke arah keseimbangan antara akauntabiliti dan pemulihan, mengiktiraf bahawa pengetahuan undang-undang adalah asas dalam membimbing tingkah laku dan keputusan remaja. Walaupun mahkamah remaja pada masa lalu beroperasi di luar pemerhatian awam, wacana undang-undang semasa menekankan kepentingan ketelusan prosedur, hak proses yang adil, dan tanggungjawab sivik dalam membentuk tingkah laku remaja [20].

Begitu juga, pendidikan mengenai prinsip perlembagaan dan undang-undang dapat membekalkan remaja dengan pengetahuan untuk mengurus tanggungjawab undang-undang, memahami hak mereka, dan membuat pilihan yang bijak bagi mengurangkan risiko kenakalan. Pengukuhan pendidikan sivik, program literasi undang-undang, dan inisiatif berasaskan sekolah boleh membantu menangani jurang pengetahuan, memastikan lebih ramai remaja menyedari akibat undang-undang daripada tindakan mereka sambil memupuk budaya kepatuhan undang-undang dan warganegara yang bertanggungjawab.




Sumber: Kompilasi penulis berdasarkan data kajian

Rajah 3. Kesedaran terhadap kebebasan asas

Rajah 3 menunjukkan bahawa walaupun 58.9% responden menyedari tentang kebebasan asas mereka, sejumlah 29% kekal neutral, mencerminkan ketidakpastian mengenai hak undang-undang mereka. Hu [10] menekankan peranan pendidikan sivik dalam pembentukan kesedaran nilai, manakala Pykett *et al.*, [21] menumpukan kepada pembedakan kewarganegaraan dalam konteks institusi.

Data ini menekankan peluang yang signifikan untuk meningkatkan literasi perlembagaan, terutamanya dalam kalangan kumpulan yang bersikap neutral atau tidak bersetuju. Program pendidikan, bengkel interaktif, dan kempen awam boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran tentang kebebasan asas serta kaitannya dengan kehidupan seharian. Memastikan pemahaman yang lebih luas mengenai hak-hak ini dapat memberi kuasa kepada individu untuk menggunakan dan melindungi kebebasan mereka secara bertanggungjawab, seterusnya menyumbang kepada pembentukan warganegara yang lebih bermaklumat dan berperanan aktif.



Sumber: Kompilasi penulis berdasarkan data kajian


Rajah 4. Modul pendidikan dan program kesedaran

Rajah 4 menggambarkan persepsi responden terhadap penyediaan modul yang sesuai oleh sistem pendidikan untuk meningkatkan kesedaran pelajar mengenai kepentingan memahami dan mematuhi Perlembagaan serta undang-undang negara. Daripada 431 responden, majoriti, iaitu 40.4% (174 responden), bersetuju bahawa sistem pendidikan telah menyediakan modul sedemikian, manakala 27.1% (117 responden) sangat bersetuju, menunjukkan sentimen positif terhadap ketersediaan sumber pendidikan. Walau bagaimanapun, 24.8% (107 responden) kekal neutral, mencadangkan ketidakpastian atau kekurangan kejelasan mengenai keberkesanan atau kewujudan modul tersebut. Sebaliknya, kumpulan yang lebih kecil, iaitu 6.3% (27 responden), tidak bersetuju, dan 1.4% (6 responden) sangat tidak bersetuju, mencerminkan skeptisisme atau ketidakpuasan terhadap peranan sistem pendidikan dalam aspek ini.

Ahli akademik menekankan bahawa pendidikan sivik perlu berstruktur bagi mempromosikan kewarganegaraan yang partisipatif dan berorientasikan keadilan, memastikan pelajar bukan sahaja mempelajari undang-undang tetapi juga berfikir secara kritis mengenai hak dan tanggungjawab mereka [21,26].

Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat usaha untuk mempromosikan kesedaran undang-undang, pendekatan yang digunakan mungkin memerlukan penambahbaikan untuk melibatkan semua pelajar dengan lebih berkesan. Kajian mengenai pendidikan sivik di Ethiopia memberikan pandangan berharga tentang bagaimana reka bentuk kurikulum mempengaruhi pemahaman pelajar mengenai kewarganegaraan dan identiti peribadi [3]. Penyelidikan menunjukkan bahawa buku teks pendidikan sivik di Ethiopia menekankan nilai kolektif, mempromosikan ciri-ciri seorang 'warganegara yang baik' berbanding autonomi individu [3]. Ini mencerminkan pengaruh politik dan ideologi yang lebih luas dalam pendidikan, di mana pembelajaran sivik selalunya selaras dengan naratif yang digerakkan oleh kerajaan dan bukannya memupuk penglibatan kritis terhadap prinsip demokrasi [3].

Kes Ethiopia menekankan keperluan pendidikan sivik yang seimbang, yang mengintegrasikan pengetahuan undang-undang dan kemahiran berfikir secara kritis. Kebimbangan yang sama timbul dalam konteks lain, di mana tingkah laku sebenar pelajar tidak selalu sejajar dengan nilai sivik yang dipromosikan dalam buku teks [3]. Bagi meningkatkan literasi perlembagaan, pereka kurikulum perlu mempertimbangkan pengintegrasian pendekatan yang lebih interaktif dan aplikasi dunia sebenar, memastikan pelajar bukan sahaja mempelajari prinsip undang-undang tetapi juga membangunkan kemahiran untuk mengaplikasikannya dalam masyarakat.



Sumber: Kompilasi penulis berdasarkan data kajian


Rajah 5. Peranan Kesedaran dalam pembentukan warganegara yang bertanggungjawab

Rajah 5 menunjukkan sokongan yang kukuh terhadap pandangan bahawa kesedaran undang-undang berperanan dalam memupuk kewarganegaraan yang bertanggungjawab, dengan 81.2% responden menyatakan persetujuan atau sangat bersetuju. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menekankan bahawa pendidikan sivik perlu menanamkan nilai sivik autonomi, seperti keupayaan membuat pertimbangan moral dan undang-undang secara individu [17]. Selain itu, penyelidikan lain menegaskan kepentingan nilai kolektif dalam membentuk rasa tanggungjawab sosial dan komitmen terhadap keadilan bersama [18]. Kajian lanjut turut mencadangkan bahawa rangka pendidikan sivik yang seimbang, yang menggabungkan kedua-dua dimensi ini, dapat membantu pelajar bukan sahaja memahami undang-undang, tetapi juga menghayati peranan mereka dalam masyarakat yang adil dan berfungsi dengan baik [25].

Penemuan ini menunjukkan sokongan yang kuat terhadap peranan pendidikan perlembagaan dan undang-undang dalam membentuk warganegara yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, respons neutral menunjukkan bahawa lebih banyak usaha diperlukan untuk menekankan hubungan ini. Dengan melaksanakan program pendidikan yang disasarkan dan inisiatif komuniti, pihak berkepentingan dapat merapatkan jurang ini, memastikan lebih ramai individu menyedari kepentingan memahami prinsip undang-undang dan perlembagaan dalam memupuk penglibatan sivik yang bertanggungjawab.

Sebagai bakal pemimpin negara, pelajar dan generasi muda perlu dibekalkan dengan asas yang kukuh dalam pengetahuan perlembagaan dan undang-undang. Persediaan ini adalah penting untuk membentuk pemimpin dan struktur pentadbiran yang berpengetahuan dan mengekalkan integriti yang tinggi. Dengan harapan yang tinggi terhadap pelajar universiti, adalah penting bagi mereka untuk mengaplikasikan pemahaman mereka mengenai prinsip perlembagaan dan undang-undang untuk kebaikan bersama. Dengan mengintegrasikan nilai-nilai ini dalam pendidikan, Malaysia dapat memastikan generasi akan datang mewarisi negara yang dipimpin oleh individu yang komited terhadap keadilan, tanggungjawab, dan tadbir urus beretika.

Diharapkan pengetahuan perlembagaan dan undang-undang yang diberikan kepada pelajar hari ini dapat dimanfaatkan dengan berkesan untuk pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat pada masa hadapan [11].



Sumber: Kompilasi penulis berdasarkan data kajian


Rajah 6. Peranan kesedaran perundangan dalam pencegahan jenayah

Rajah 6 mencerminkan pandangan responden mengenai sama ada peningkatan kadar jenayah disebabkan oleh kekurangan kesedaran untuk mematuhi undang-undang. Daripada 431 responden, majoriti, iaitu 46.6% (201 responden), sangat bersetuju, dan 34.1% (147 responden) bersetuju, menunjukkan konsensus yang kukuh bahawa kekurangan kesedaran undang-undang merupakan faktor penting yang menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah. Kumpulan yang lebih kecil, iaitu 13.9% (60 responden), kekal neutral, mencadangkan ketidakpastian atau kekurangan kejelasan mengenai hubungan antara kesedaran undang-undang dan jenayah. Sementara itu, hanya 3% (13 responden) tidak bersetuju dan 2.3% (10 responden) sangat tidak bersetuju, menunjukkan skeptisisme yang minima terhadap dakwaan tersebut.

Ahli akademik berhujah bahawa pendidikan sivik bukan sekadar menyampaikan pengetahuan tentang undang-undang, tetapi turut berperanan dalam membentuk kemahiran membuat keputusan berasaskan etika serta memupuk rasa hormat terhadap institusi undang-undang. Beberapa kajian menekankan fungsi pendidikan sivik dalam membangunkan literasi perundangan pelajar [12], manakala kajian lain menyoroti peranannya dalam pembentukan nilai moral dan tanggungjawab sosial [16]. Selain itu, penyelidikan terdahulu turut menunjukkan bahawa pendidikan sivik dapat mengukuhkan kepercayaan pelajar terhadap sistem dan institusi perundangan negara [23].

Penyelidikan mengenai keadilan mob dan pelanggaran hak asasi manusia di Nigeria memberikan bukti tambahan bahawa ketidakpercayaan awam terhadap sistem keadilan boleh membawa kepada langkah-langkah luar mahkamah yang menjejaskan hak perlembagaan [24]. Kajian menunjukkan bahawa ketidakcekapan institusi dan kebimbangan etika dalam sistem undang-undang sering mendorong individu mencari cara keadilan alternatif yang tidak sah, seperti keganasan mob [24]. Di Nigeria, sebagai contoh, keadilan mob timbul daripada kegagalan yang dirasakan dalam penguatkuasaan undang-undang dan sistem kehakiman, yang memburukkan lagi pelanggaran hak asasi manusia [24].

Keadaan ini menekankan keperluan mendesak untuk memperkukuhkan program kesedaran undang-undang yang mendidik rakyat mengenai proses keadilan, perbicaraan yang adil, dan akibat mengambil keadilan ke tangan sendiri. Pengembangan kempen literasi undang-undang, pengukuhan pendidikan sivik, dan peningkatan keyakinan terhadap institusi boleh memainkan peranan penting dalam mengurangkan keadilan vigilante serta mempromosikan pematuhan terhadap prinsip undang-undang.



Sumber: Kompilasi penulis berdasarkan data kajian

Rajah 7. Peranan kerjasama antara sekolah dan polis dalam meningkatkan kesedaran perundangan

Rajah 7 menunjukkan bahawa 82.8% responden menyokong kerjasama antara sekolah dan pihak polis sebagai langkah untuk mempromosikan kesedaran undang-undang, sekali gus mencerminkan tahap kepercayaan yang tinggi terhadap peranan institusi dalam meningkatkan literasi undang-undang pelajar. Dapatan ini selari dengan penyelidikan terdahulu yang menekankan keperluan pendidikan sivik untuk menghubungkan pelajar dengan institusi penguatkuasaan undang-undang bagi memperkukuh pemahaman dunia sebenar tentang tanggungjawab undang-undang [5]. Selain itu, kajian lain turut menunjukkan bahawa interaksi langsung dengan pihak berautoriti dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran undang-undang dan kesedaran sivik dalam kalangan pelajar [15].

Penemuan ini selaras dengan perbincangan yang lebih luas mengenai peranan penguatkuasaan undang-undang dalam konteks pendidikan. Lahiff *et al.*, [14] menekankan kepentingan perkongsian antara sekolah dan agensi penguatkuasaan undang-undang dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat. Mereka mencadangkan pendekatan komprehensif yang menggabungkan penglibatan komuniti dengan kemajuan teknologi untuk menangani ancaman berpotensi secara proaktif. Salah satu strategi utama yang dibincangkan ialah penggunaan sistem pemantauan berkuasa AI untuk mengesan dan menilai ancaman secara masa nyata. Walau bagaimanapun, walaupun teknologi memainkan peranan penting, para pengkaji menekankan bahawa pertimbangan manusia dan kepakaran penguatkuasaan undang-undang tetap penting untuk memastikan keselamatan sekolah yang berkesan.

Selain itu, Lahiff *et al.*, [14] menyoroti kepentingan penglibatan komuniti dalam inisiatif keselamatan. Membina kepercayaan antara pelajar, ibu bapa, pendidik, dan pihak penguatkuasaan undang-undang menimbulkan rasa tanggungjawab bersama, menggalakkan individu untuk melaporkan kebimbangan. Sesi latihan berkala, bengkel, dan dialog terbuka dapat memperkukuhkan lagi kerjasama, memastikan semua pihak berkepentingan dimaklumkan dan terlibat secara aktif dalam mengekalkan keselamatan sekolah.

Pandangan ini menguatkan data yang ditunjukkan dalam Rajah 7, yang mencadangkan sokongan kuat terhadap integrasi kerjasama sekolah-polis dalam kerangka pendidikan. Dengan mengembangkan dan memperkemas program sebegini, sekolah dapat memupuk budaya pematuhan undang-undang dan tanggungjawab dalam kalangan pelajar. Memberi keutamaan kepada inisiatif pendidikan yang diketuai oleh pihak polis dapat memperkukuhkan lagi pemahaman pelajar mengenai prinsip undang-undang dan kepentingannya dalam kehidupan sivik.

Tambahan pula, Ellen [7] menekankan keperluan pendekatan berinformasi trauma dalam kerjasama sekolah-polis. Beliau mencadangkan memperkukuhkan kerjasama dengan menumpukan

kepada keperluan pelajar, menyediakan latihan berinformasi trauma yang komprehensif, dan memformalkan peranan serta tanggungjawab pentadbir dan pegawai polis di sekolah. Pengintegrasian elemen-elemen ini ke dalam perkongsian sekolah-polis dapat meningkatkan keselamatan dan kesedaran undang-undang sambil memastikan persekitaran pendidikan yang menyokong.

4. Limitasi Kajian

Kajian ini tertakluk kepada beberapa limitasi yang perlu diambil kira dalam menafsir dapatan. Pertama, walaupun kesedaran perlembagaan merupakan komponen penting dalam pembentukan tanggungjawab sivik, tingkah laku juvana turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti struktur keluarga, keadaan sosioekonomi, dan persekitaran rakan sebaya, yang berada di luar skop analisis kajian ini. Kedua, sampel kajian terhad kepada pelajar sekolah menengah di satu daerah dan oleh itu mungkin tidak sepenuhnya mewakili keseluruhan populasi remaja di Malaysia. Ketiga, walaupun kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran, data kualitatif yang dikumpulkan adalah berasaskan laporan sendiri responden dan berpotensi dipengaruhi oleh kecenderungan bias keinginan sosial. Sehubungan itu, dapatan kajian ini wajar ditafsirkan sebagai bersifat indikatif dan penerokaan, dan bukannya sebagai bukti hubungan kausal secara langsung.

5. Kesimpulan

Penemuan kajian ini memberikan gambaran penting mengenai tahap pengetahuan, kesedaran, dan penglibatan remaja terhadap isu perlembagaan dan undang-undang. Walaupun sebahagian pelajar menunjukkan tahap kesedaran asas yang memuaskan, dapatan kajian mendedahkan kewujudan jurang yang ketara, khususnya dari segi kefahaman dan penghayatan prinsip-prinsip perlembagaan seperti yang termaktub dalam Perkara 5 hingga 13 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Kecenderungan respons yang bersifat neutral dalam beberapa aspek menunjukkan bahawa ramai remaja memiliki pemahaman yang bersifat permukaan, dengan tahap motivasi dan kejelasan yang terhad mengenai kaitan antara pengetahuan perlembagaan, kehidupan seharian, dan tanggungjawab sivik.

Dari sudut pendidikan, dapatan kajian ini menekankan keperluan untuk mempermudah bahasa perlembagaan serta mengalihkan penekanan pengajaran daripada hafalan kandungan undang-undang kepada pendekatan yang lebih kontekstual dan berasaskan pengalaman. Integrasi senario kehidupan sebenar, perbincangan kes, dan simulasi ringkas perundangan berpotensi membantu pelajar memahami implikasi praktikal hak dan tanggungjawab perlembagaan, sekali gus meningkatkan penghayatan dan kebolehan aplikasi prinsip undang-undang dalam situasi sebenar.

Bagi pembuat dasar, hasil kajian mencadangkan bahawa inisiatif kesedaran perlembagaan dan pendidikan sivik tidak wajar dibangunkan berasaskan andaian bahawa pelajar memiliki tahap literasi undang-undang yang mencukupi. Sebaliknya, program yang dirangka secara bersasar kepada kumpulan pelajar yang menunjukkan tahap kefahaman neutral atau rendah berpotensi meningkatkan impak dan keberkesanan intervensi pendidikan sivik, khususnya dalam memperkukuh kesedaran dan sikap pematuhan undang-undang.

Dari perspektif ibu bapa dan organisasi komuniti, dapatan kajian menegaskan kepentingan pengukuhan nilai perlembagaan melalui komunikasi harian dan perbincangan tidak formal. Penggunaan bahasa yang mudah difahami serta contoh situasi seharian dapat membantu remaja mengaitkan prinsip perlembagaan dengan tingkah laku patuh undang-undang, sekali gus menyokong pembentukan kesedaran sivik di luar persekitaran formal sekolah.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa kerjasama antara sekolah dan agensi penguatkuasaan undang-undang berpotensi meningkatkan literasi undang-undang pelajar apabila dilaksanakan dalam bentuk program pendidikan yang berstruktur, seperti bengkel literasi undang-undang yang menekankan hak, tanggungjawab, dan implikasi perundangan, dan bukannya ceramah disiplin yang bersifat satu hala. Walau bagaimanapun, kajian ini menegaskan bahawa pendidikan perlembagaan perlu dilihat sebagai satu komponen penting dalam rangka usaha yang lebih luas, dan bukannya penyelesaian tunggal terhadap isu jenayah juvana.

Kesimpulannya, usaha bersepadu yang melibatkan institusi pendidikan, pembuat dasar, ibu bapa, dan komuniti adalah penting bagi memastikan remaja dibekalkan dengan pengetahuan dan kefahaman perlembagaan yang bermakna. Penemuan kajian ini menyediakan asas yang kukuh untuk merangka intervensi pendidikan sivik yang lebih bersasar dan kontekstual bagi mempromosikan literasi perlembagaan serta pembentukan kewarganegaraan yang bertanggungjawab.

Acknowledgement

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan yang dibiayai di bawah **Geran Penyelidikan UTARF** (Nombor Projek: IPSR/RMC/UTARF/2023-C2/N02). Penulis ingin merakamkan penghargaan atas sokongan yang diberikan dalam memajukan kajian mengenai simptom sosial dan pembentukan integriti dalam kalangan remaja.

References

- [1] Kasdi, Abdurrohman, Abdul Karim, Umma Farida, and Miftahul Huda. "Development of Waqf in the Middle East and Its Role in Pioneering Contemporary Islamic Civilization: A Historical Approach." *Journal of Islamic Thought and Civilization* 12, no. 1 (2022): 186–98. <https://doi.org/10.32350/jitc.121.10>
- [2] Lita, Helza Nova, and Zahera Mega Utama. "Legal Aspect for Managing Waqf Assets through Company Management: Development of Share Waqf." *Hamdard Islamicus* 43, no. 2 (2020): 58–63. <https://doi.org/10.57144/hi.v43iSpecialIssue.223>
- [3] Hamzah, Muhammad Taqi uddin Mohd, Syahnaz Sulaiman, Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin, and Aznan Hasan. "Applications of Waqf-Featured Fund in the Malaysian Islamic Fund Management Industry: A Comparative Study." *Global Journal Al-Thaqafah* 13, no. 1 (2023): 90–118. <https://doi.org/10.7187/GJAT072023-7>
- [4] Nasution, Lokot Zein, Hermanto Siregar, Rifki Ismal, and Tatik Mariyanti. "Tawhidi String Relationship (TSR) Approach to Entrepreneurial Growth in Waqf Linked Sukuk." *Aptisi Transactions on Technopreneurship (ATT)* 7, no. 3 (2025): 701–12. <https://doi.org/10.34306/att.v7i3.638>
- [5] Abidah, Atik, Nur Asnawi, Eko Suprayitno, and Erfaniah Zuhriah. "The Applicability of Cash Waqf Linked Sukuk (CWLS) Through the Tafriqus Sufqah Al-Khatib Al-Sharbini Theory: An Approach to Sharia Compliance and Financial Innovation." *Samarah* 9, no. 2 (2025): 1201–1219. <https://doi.org/10.22373/baspd111>
- [6] Cattelan, Valentino, ed. *Islamic Social Finance*. *Islamic Social Finance*. Routledge, 2018. <https://doi.org/10.4324/9781315272221>
- [7] Mujani, W. K., M. S. Mohd Taib, M. K. I. Rifin, and K. Aboo Talib Khalid. "The History of the Development of Higher Education Waqf in Malaysia." *International Journal of Civil Engineering and Technology* 9, no. 3 (2018): 549–557.
- [8] Najmuddin, Izni Nadirah, and Amal Hayati Ishak. "Systematic Literature Review on Waqf Issues and Challenges to Sustain Waqf Development Initiatives." In *Finance and Law in the Metaverse World: Regulation and Financial Innovation in the Virtual World*, 1–11. Springer, 2024. https://doi.org/10.1007/978-3-031-67547-8_1
- [9] Zain, Nor Syahirah, Fatimah Mohamad Noor, and Rusni Hassan. "Islamic Sustainable Finance: How Does Waqf Matter?" In *Islamic Finance and Sustainable Development*, 120–29. 2024.
- [10] Kasim, Nawal, Sheila Nu Nu Htay, and Syed Ahmed Salman. "Achieving Effective Waqf Management through Compliance with Shari'ah Governance Practices." In *Proceedings of the 27th International Business Information Management Association Conference - Innovation Management and Education Excellence Vision 2020: From Regional Development Sustainability to Global Economic Growth*, IBIMA 2016, 1326–29, 2016.
- [11] Usman, Muhammad, and Asmak Ab Rahman. "Funding Higher Education through Waqf: A Lesson from Pakistan." *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 14, no. 2 (2021): 409–424. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-05-2019-0200>
- [12] Abd. Jilil, Mohamad Isa. "Issues and Challenges of Waqf Practice in Malaysia: A Review." *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)* 14 (2020): 80–86. <https://doi.org/10.51200/ljms.v14i.2868>

- [13] Basyoni, M. El. "Revitalization of the Role of Waqf in the Field of Architecture: Activation of Waqf to Improve the Function of Public Buildings." *WIT Transactions on the Built Environment* 118 (2011): 129–140. <https://doi.org/10.2495/STR110111>
- [14] Islam, Md Thowhidul. "Historical Development of Waqf Governance in Bangladesh: Challenges and Prospects." *Intellectual Discourse* 26 (2018): 1129–1165.
- [15] Ayub, Muhammad, Khurram Khan, and Muhammad Ismail. *Waqf in Islamic Economics and Finance: An Instrument for Socioeconomic Welfare*. Routledge, 2024.
- [16] Mohamad, N. A., M. F. Mahmud, A. Ismail, I. H. Redzan, and S. N. Shahrudin. "Philanthropy and Social Justice in WAQF Administration in Morocco: Lessons Learnt from the History." *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 25 (2017): 37–44.
- [17] Rochani, Agus, Nany Yulastuti, and Budi Sudarwanto. "Sustainable Waqf Space in Urban Kampong: The Case of Kampong Kauman, Semarang City." *Journal of Islamic Architecture* 8, no. 2 (2024): 487–502. <https://doi.org/10.18860/jia.v8i2.24072>
- [18] Islam, Mohammad Monirul, Nusrat Sultana, and Abul Bashir Bhuiyan. "Role of Cash WAQF IIN Voluntary Banking." In *Advances in Environmental Biology*, 8:706–14. American-Eurasian Network for Scientific Information, 2014.
- [19] Hamim, Hamim, Neneng Hasanah, and Laily Dwi Arsyianti. "The Introduction of Waqf to Empower the Economic Potential of Rural Communities as Part of Community Services Program." In *AIP Conference Proceedings*, 2722:60003, 2023. <https://doi.org/10.1063/5.0143118>
- [20] Fadhilah, A A, S Zurina, A Mohammad, and A Nursilah. "The Effort of Selected Public and Private Universities to Develop Awqaf Property in Malaysia." *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 25 (2017): 267–280.
- [21] Mahmood, Siti Mashitoh, and Asmak Ab Rahman. "Financing Universities through Waqf, Pious Endowment: Is It Possible?" *Humanomics* 31, no. 4 (2015): 430–453. <https://doi.org/10.1108/H-02-2015-0010>
- [22] Kasdi, Abdurrohman. "The Empowerment of Productive Waqf in Egyptian Al-Azhar for Education and Its Relevance to Be Implemented in Indonesia." *International Journal of Mechanical Engineering and Technology* 9, no. 11 (2018): 1839–1851.
- [23] Ahmad, Abd Rahman, Azizah Baharudin, Ng Kim Soon, Khairunesa Isa, and Rosman Md Yusoff. "The Scenario of Waqf in Malaysian Higher Education Institutions." In *Proceedings of the 30th International Business Information Management Association*, 50–55, 2017.
- [24] Khadijah, A. M.S., S. Muhammad Sabki, and A. Ismail. "Philanthropic Commitment Traits for Waqf in Higher Education." *Global Journal Al-Thaqafah* 7, no. 1 (2017): 71–77. <https://doi.org/10.7187/gjat12820170701>
- [25] Yusoff, Mohd Nor Hakim, Mohd Rushdan Yasoa, Zul Karami Che Musa, Siti Fariha Muhamad, Siti Afiah Zainudin, Noorul Azwin Nasir, and Tahirah Abdullah. "Waqf Education Participation Among Employees' of Higher Learning Institutions: A Conceptual Framework." In *International Conference on Business and Technology*, 231–37. 2023. https://doi.org/10.1007/978-3-031-08090-6_14
- [26] Suhairi, Suhairi, Afriyan Arya Saputra, Agus Alimuddin, and Mutsalim Khareng. "Regulatory and Economic Challenges in Contemporary Crowdfunding-Based Cash Waqf." *MILRev: Metro Islamic Law Review* 4, no. 2 (2025): 822–867. <https://doi.org/10.32332/milrev.v4i2.10343>
- [27] Listiana, Lisa, Syed Musa Alhabshi, and Zamri Osman. "Issues on Waqf and Roles of Waqf Authorities: Evidence From Indonesia and Singapore." *Hamdard Islamicus* 47, no. 1 (2024): 78–99. <https://doi.org/10.57144/hi.v47i1.720>
- [28] Mujahidin, Muhammad Imran, Nasrullah Bin Sapa, Fasiha, Sitti Aisya, and Trimulato. "Challenges in Waqf Management and Its Implications for the Social and Economic Welfare of Muslim Communities: A Cross-Country Comparative Analysis." *Jurnal Ilmiah Mizani* 12, no. 1 (2025): 168–184. <https://doi.org/10.29300/mzn.v12i1.7765>
- [29] Saad, Abdo Yousef Qaid, Mustafa Omar Mohammed, and Ibrahim Al-Jubari. "An Overview of Waqf Assets in Yemen: Importance and Challenges." *Humanities and Social Sciences Reviews* 7, no. 5 (2019): 1065–1072. <https://doi.org/10.18510/hssr.2019.75142>
- [30] Hadi, Muhammad, Jalaluddin Rum, Wahyudin Maguni, and Anwar M. Radiamoda. "Toward a Holistic Legal Framework for Effective Waqf Implementation: Integrating Islamic Socio-Economic Models." *Volkgeist: Jurnal Ilmu Hukum Dan Konstitusi* 8, no. 1 (2025): 15–42. <https://doi.org/10.24090/volkgeist.v8i1.12590>
- [31] Ramli, Aliza, Fadzlin Fahmi, Faizah Darus, and Nurlida Ismail. "Primary Drivers of Sustainable Performance: The Case of Corporate Waqf." *Global Journal Al-Thaqafah* 8, no. 1 (2018): 207–218. <https://doi.org/10.7187/GJATS12018-14>
- [32] Mohaiyadin, Norlaila Mazura H.J., and Aini Aman. "Understanding the Issues of Waqf at Public University: Preliminary Findings." *International Journal of Islamic Thought* 20 (2021): 95–108. <https://doi.org/10.24035/ijit.20.2021.214>
- [33] Zainuddin, Siti Afiah Binti, Ridhwan Bin Abdul Rahman, Fakhithah Ridzuan, Roslizawati Binti Che Aziz, Borhan Sareya Abdullah, Nik Malini Nik Mahdi, Siti Rohana Mohamad, Bazilah Raihan Binti Mat Shawal, and Nur A'mirah

- Binti Mohd Yaziz. "Integrating Environmental, Social, and Governance (ESG) Reporting in Waqf Accounting: Towards Sustainable Waqf Practices." In *Integrating Artificial Intelligence, Security for Environmental and Business Sustainability: Volume 1*, 967–74. 2025. https://doi.org/10.1007/978-3-031-91424-9_84
- [34] Abojeib, Moutaz, and Farrukh Habib. "Blockchain for Islamic Social Responsibility Institutions." In *Research Anthology on Blockchain Technology in Business, Healthcare, Education, and Government*, 1114–1128. 2020. <https://doi.org/10.4018/978-1-7998-5351-0.ch061>
- [35] Suhaili, Nur Aqidah, Mohd Rizal Palil, and Rohayati Husin. "Wakaf CSR: An Emperical Study of Polycentric Collaborative Waqf Governance." *Jurnal Pengurusan* 53 (2018): 133–146. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2018-53-12>
- [36] Zakiyy, Norman, and Alifah Hj Hamid. "Negotiation in Resolving Obstacles in Managing Waqf Land: A Preliminary Review." In *Integrating Artificial Intelligence, Security for Environmental and Business Sustainability: Volume 1*, 795–801. 2025. https://doi.org/10.1007/978-3-031-91424-9_68
- [37] Freddy, Shandy Primandasetio, and Nor Asiah Mohamad. "Dispute in Cross-Border Waqf: Mitigation, Resolution, and the Role of Waqf Authority." *IJUM Law Journal* 32, no. 1 (2024): 261–308. <https://doi.org/10.31436/ijumlj.v32i1.905>
- [38] Maksun, Muhammad. "Building Flats Through Waqf Land: Legal Breakthrough and Obstacles." *Ahkam: Jurnal Ilmu Syariah* 17, no. 1 (2017): 47–64. <https://doi.org/10.15408/ajis.v17i1.6229>
- [39] Darus, Faizah, Haslinda Yusoff, Mustaffa Mohamed Zain, and Aliza Ramli. "Corporate Waqf: A Sustainable Model of Islamic Wealth Creation and Distribution." *International Journal of Economics and Business Research* 22, no. 4 (2021): 357–368. <https://doi.org/10.1504/IJEBR.2021.118425>
- [40] Syarifuddin, Ferry. "Productive WAQF Business Models through the Integration of Islamic Social and Commercial Finance." *Edelweiss Applied Science and Technology* 8, no. 4 (2024): 620–655. <https://doi.org/10.55214/25768484.v8i4.1440>
- [41] Shigemoto, Yuuki. "Benefit of Inconvenience: Revising Human Ability for the Design of Kansei Design." *Human Dynamics and Design for the Development of Contemporary Societies* 25 (2022): 407–413. <https://doi.org/10.54941/ahfe1001415>
- [42] Lokman, Anitawati Mohd, Shamsiah Abd Kadir, Saidatul Rahah Hamidi, and Shuhaida Mohamed Shuhidan. "LEIQ™ as an Emotion and Importance Model for QoL: Fundamentals and Case Studies." *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35, no. 2 (2019): 412–430. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2019-3502-25>
- [43] Hennink, Monique M., Bonnie N. Kaiser, and Mary Beth Weber. "What Influences Saturation? Estimating Sample Sizes in Focus Group Research." *Qualitative Health Research* 29, no. 10 (2019): 1483–1496. <https://doi.org/10.1177/1049732318821692>
- [44] Elo, Satu, and Helvi Kyngäs. "The Qualitative Content Analysis Process." *Journal of Advanced Nursing* 62, no. 1 (2008): 107–115. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2648.2007.04569.x>
- [45] Singh, Sanjay, and Yogita Aggarwal. "Happiness at Work Scale: Construction and Psychometric Validation of a Measure Using Mixed Method Approach." *Journal of Happiness Studies* 19, no. 5 (2018): 1439–1463. <https://doi.org/10.1007/s10902-017-9882-x>